

Jakel hampir saman pengurusan kuil

KUALA LUMPUR: Pihak penguurusan kuil Dewi Sri Pathrakaliamman hampir dikenakan tindakan undang-undang kerana tidak mahu berpindah daripada tapak milik sebuah syarikat swasta di Jalan Munshi Abdullah, di sini.

Pengarah Urusan Kumpulan Jakel (Jakel), Mohamed Faroz Mohamed Jakel mendedahkan pihaknya sebelum ini mahu memfailkan saman terhadap pengurusan kuil tersebut selepas 11 tahun bersabar.

Bagaimanapun dedahnya, hasrat Jakel itu dihalang oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa yang menasihati supaya menggunakan kaedah lain bagi menyelesaikan kemelut tersebut.

“Dia mencadangkan saya

berjumpa terus dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim,” katanya ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Pembangunan Masjid Madani di Jalan Munshi Abdullah, di sini, semalam.

Terdahulu, tanah yang dimiliki oleh Jakel dan kemudiannya diwakafkan untuk pembinaan sebuah masjid mencetuskan pertikaian dalam kalangan masyarakat kerana keberadaan kuil Dewi Sri Pathrakaliamman.

Bagaimanapun, pertikaman lidah antara pihak terlibat berjaya dileraikan apabila penguurusan rumah ibadat berkenaan bersetuju untuk berpindah ke tapak baharu yang terletak hanya 50 meter dari lokasi asal.

Persetujuan itu dicapai hasil rundingan bersama kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur (DBKL) dengan pelbagai pihak termasuk pengurusan kuil.

Dalam pada itu, Mohamed Faroz berkata, usaha untuk membina masjid di tapak berkeluasan 12,142 kaki persegi itu sudah bermula pada 2009 di mana perbincangan antara Jakel dan DBKL berlangsung.

Katanya, surat tawaran rasmi dikeluarkan pada 6 Ogos 2012 diikuti bayaran deposit 10 peratus pada dua hari kemudian sebelum perjanjian jual beli dengan DBKL ditandatangani dan bayaran baki diselesaikan pada 2014.

“Pada Julai 2019, Jakel menghantar surat permohonan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk membina masjid dan pada 26 Julai 2019 telah mendapat kelulusan daripada Jawi,” ujarnya.